

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 29 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10617**

**SOALAN:**

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah terkini yang telahpun diambil untuk mengelakkan berlakunya kematian-kematian di dalam lokap seperti di dalam kes S.Bala Murugan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang dan kemudahan-kemudahan seperti kelengkapan CCTV di dalam lokap-lokap untuk menangani masalah ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa memperkenalkan kaedah terbaik bagi mengurangkan kes kematian semasa dalam tahanan seperti berikut:**

- i) penambahbaikan *Standard Operation Procedure (SOP)* sedia ada dengan memasukkan beberapa elemen baharu Arahan Pentadbiran Bil. 11/2014 antaranya:**
  - a) memastikan borang pengesahan penyakit/kecederaan diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;**
  - b) orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit dan berisiko tinggi hendaklah diasingkan daripada tahanan lain; dan**
  - c) orang tahanan hendaklah diasingkan mengikut kategori tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan mabuk, penjenayah "habitual", tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak.**

- 46
- ii) **SUHAKAM** dibenarkan melawat dan menentukan tahanan yang ditahan mengikuti garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa; dan
  - iii) kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi rawatan segera kepada orang tahanan. Ekoran daripada itu, pihak KKM telah mengeluarkan surat bertarikh 17 April 2017 rujukan KKM 600.27/12/1 Jld. 4 (33) agar kes-kes kecemasan “akut” dibawa ke Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital berpakar berdekatan untuk rawatan segera.

Sehingga kini, sebanyak 414 buah lokap daripada 730 buah lokap polis di seluruh negara telah dilengkapi dengan Kamera Litar Tertutup (CCTV). Baki 316 buah lokap polis yang tidak dilengkapi dengan CCTV merupakan lokap yang tidak aktif dan tidak digunakan.

PDRM dengan kerjasama *Malaysian Institute of Microelectronic Systems (MIMOS)* telah membangunkan sistem pengawasan video pintar di lokap-lokap PDRM yang dikenali sebagai *Self-Monitoring Analytics Reporting Technology for Lock-ups (SMART Lokap)*. Projek perintis ini telah dilaksanakan di Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur dan akan diperluaskan kepada lokap-lokap PDRM yang lain.

Projek SMART Lokap telah memperkenalkan teknologi analitis video kepada sistem pengawasan video sedia ada untuk memantau pergerakan keluar dan masuk kenderaan, tahanan,

43

**pegawai polis serta pelawat sekali gus meningkatkan tahap keselamatan tahanan dengan memberikan amaran terus kepada pegawai bertugas apabila berlaku pergaduhan atau percubaan memanjat keluar dari sel.**